

## **LENTERA HIKMAH NAIB CANSELOR#5**

### **ERTI SEBUAH KEMENANGAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI, dan Salam Aidilfitri kepada seluruh warga UMK yang saya kasihi sekalian.

Ramadan bakal berlalu dan Syawal kunjung tiba untuk diraikan. Datangnya begitu singkat, perginya begitu cepat. Apabila Ramadan meninggalkan kita, ia pasti akan kembali. Namun apakah kita masih ada di saat ia datang..?

Perayaan Aidilfitri yang mendatang, sudah pasti diraikan dengan penuh kegembiraan, bukan sekadar sambutan atas kejayaan menempuh sebulan berpuasa. Ia adalah simbol kemenangan yang jauh lebih mendalam iaitu kemenangan dalam kebersamaan, kemenangan dalam kesabaran, dan kemenangan dalam usaha yang dilaksanakan dengan penuh keikhlasan. Dalam konteks kebersamaan seluruh warga UMK, Aidilfitri memberi makna yang lebih indah apabila kita merayakannya bersama, sebagai satu keluarga besar, saling memberi sokongan dan berkongsi kegembiraan dengan penuh rasa kasih sayang.

Kemenangan yang kita sambut bukan hanya diukur dengan pencapaian peribadi, tetapi dengan kekuatan yang terbit daripada kebersamaan kita sebagai sebuah pasukan. Seperti sinar Ramadan yang menerangi hati, Syawal menyatukan kita dalam semangat kekeluargaan yang lebih padu dan erat. Setiap senyuman, setiap doa yang dipanjangkan, adalah bukti bahawa kemenangan sebenar terletak pada usaha bersama, pada sokongan yang diberikan, dan pada rasa hormat serta kasih yang kita bina sepanjang perjalanan ini.

Kemenangan Aidilfitri ini bukan hanya terletak pada juadah yang lazat atau pakaian baru yang dipakai, tetapi pada keikhlasan hati kita yang penuh kesyukuran atas segala nikmat yang dikurniakan. Ia terletak pada kebersamaan yang tercipta dalam setiap usaha yang kita lakukan bersama sepanjang tahun. Seperti yang diajarkan oleh Rasulullah SAW, kemenangan yang sebenar adalah kemenangan yang lahir daripada jiwa yang bersih, yang diterangi oleh cahaya keikhlasan, yang menjadikan setiap langkah kita lebih bermakna dan penuh berkah.

Sebagai warga UMK, kita telah melalui pelbagai cabaran dan dugaan bersama. Namun, setiap langkah kita dipenuhi dengan semangat yang tinggi untuk terus maju bersama-sama. Kemenangan yang kita raih pada Aidilfitri ini adalah kemenangan kebersamaan, di mana setiap seorang daripada kita, baik yang muda maupun yang berpengalaman, turut serta dalam mencipta kejayaan untuk universiti ini. Itulah erti sebenar kemenangan yang bukan hanya untuk diri kita sendiri, tetapi untuk kesejahteraan dan kejayaan kita bersama, sebagai satu pasukan yang tidak pernah berputus asa.

Dari Ibnu Abbas radhiyallahu 'anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

"Ketika malam Idul Fitri tiba, maka malam itu disebut Lailatul Jaa'izah (Malam Pemberian Hadiah). Pada pagi harinya, Allah mengutus para malaikat ke seluruh bumi. Mereka turun dan berdiri di setiap jalan dan lorong, lalu berseru dengan suara

yang didengar oleh semua makhluk kecuali jin dan manusia, ‘Wahai umat Muhammad, keluarlah menuju Tuhan yang Maha Pemurah, yang memberi pahala besar, dan mengampuni dosa-dosa besar.’ ... Lalu Allah berfirman, ‘Wahai malaikat-Ku, saksikanlah bahwa Aku telah mengampuni mereka.’”  
(HR. At-Thabrani dalam Al-Kabir)

Marilah kita terus merayakan Aidilfitri ini dengan penuh rasa syukur dan kegembiraan, bukan hanya untuk diri kita sendiri, tetapi untuk seluruh warga UMK. Semoga kemenangan ini membawa lebih banyak keberkatan, lebih banyak kejayaan, dan lebih banyak kebaikan yang kita nikmati bersama, sebagai satu keluarga yang saling menyokong dan menguatkan kesatuan 1 Hati 1 Jiwa dalam setiap langkah yang diambil.

Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.

Sekian, terima kasih.

Ikhlas daripada ;

Arham Abdullah

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN